

17 APR 1997

Mahathir-roya

UMAT ISLAM PERLU MAJU SUPAYA DIPANDANG TINGGI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata masyarakat Islam perlu maju dalam pelbagai bidang termasuk teknologi maklumat supaya orang lain memandang tinggi kepada agama Islam dan umatnya.

"Kita yakin jika orang Islam berjaya dan maju serta bersikap adil, orang lain akan memandang tinggi dan menyanjung kita dan agama kita," kata Perdana Menteri dalam perutusan Hari Raya Aidil Adha.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali mengucapkan Selamat Hari Aidil Adha kepada semua muslimin dan muslimat. Hari Raya Haji disambut di negara ini esok.

Beliau berkata keganasan dan sikap suka bermusuhan-musuhan tidak menjadikan agama dan umat Islam dihormati dan dipandang mulia.

Mereka harus membuktikan bahawa sebagai penduduk sebuah negara Islam, mereka bukan sahaja progresif dan dinamik tetapi juga sanggup bertolak ansur dan adil terhadap orang lain.

Perdana Menteri juga berkata sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama, kestabilan negara ini membuktikan kemampuan orang Islam mentadbir dengan adil serta berkesan.

Pentadbiran yang ditunjangi oleh orang Islam jelas mampu membangunkan negara lebih pesat daripada kebanyakan negara lain dan ini membuktikan kemampuan orang Islam tidak kurang daripada kemampuan orang lain.

"Hanya yang diperlukan ialah kesedaran yang memang pun dituntut oleh agama Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata jika ada negara Islam yang tidak stabil dan tidak dibangunkan dengan baik, itu kerana umat Islam tidak mahu menerima dan mengamalkan cara-cara yang ditunjukkan oleh agama Islam.

Sebaliknya, kata beliau, mereka cuba bersikap ekstrimis dan tidak toleran kononnya kerana agama Islam menyuruh orang Islam bermusuhan dengan semua orang bukan Islam.

Perdana Menteri mengingatkan umat Islam supaya tidak bersikap melampau agar negara tetap aman dan membolehkan Malaysia terus maju dan disanjung bukan sahaja oleh negara-negara Islam, bahkan negara-negara bukan Islam.

Dr Mahathir juga mahu umat Islam sentiasa mengamalkan sikap sanggup berkorban demi kejayaan umat dan agama Islam.

"Jika umat Islam negara ini sentiasa sanggup berkorban bagi kesejahteraan agama, bangsa dan negara, umat Islam dan agama Islam akan lebih dihormati oleh dunia," katanya.

Beliau juga meminta umat Islam sama-sama mendoakan jemaah haji negara yang berada di Tanah Suci dilindungi Allah dan selamat menunaikan fardu haji.

--BERNAMA

NZ MAI